

04/03/2003

PM hormai usaha Pos Malaysia

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menghormai usaha Pos Malaysia

Bhd mengeluarkan setem dan sampul surat hari pertama Bapa Kemerdekaan sempena memperingati 100 tahun kelahiran Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

Perdana Menteri menyeru semua lapisan rakyat terutama generasi muda dan

pelajar supaya menyimpan koleksi setem serta sampul surat itu sebagai tanda menghormai jasa serta mengenali sejarah perjuangan Almarhum.

Dalam kata-kata aluan sempena keluaran setem dan sampul surat hari pertama itu yang dijual mulai semalam, Dr Mahathir berkata, koleksi berkenaan juga dapat memupuk semangat cintakan negara dan pemimpin yang berjasa.

Perdana Menteri berkata, Tunku sebagai Bapa Kemerdekaan adalah juga Wira

Negara yang berjaya membebaskan tanah air serta rakyat daripada belunggu penjajah.

"Jasanya kepada negara dan rakyat secara keseluruhannya tidak dapat dibayar dengan wang ringgit.

"Dengan karisma dan kepercayaan serta kesungguhan yang ditunjukkannya, Tunku berjaya meletakkan asas pembangunan untuk negara dan kemajuan rakyat. Tunku juga adalah Bapa Pembangunan Malaysia," katanya

Kata Dr Mahathir, sikap toleransi Tunku berjaya menyatupadukan rakyat pelbagai kaum, budaya dan agama dengan merealisasikan konsep muhibah yang rahmatnya dinikmati sehingga kini.

"Untuk itu, tepat sekali Tunku juga adalah Bapa Perpaduan yang ulung di negara ini," katanya.